1 Pilih padanan ciri organisasi perniagaan yang **tidak** benar

	Ciri	Perkongsian	Syarikat Berhad
A	Liabiliti	Terhad	Tidak terhad
B	Modal	Sumbangan rakan kongsi	Pelaburan pemegang syer
C	Percukaian	Cukai pendapatan perseorangan	Cukai pendapatan syarikat
D	Pembahagian keuntungan	Berdasarkan Ikatan Perkongsian	Berdasarkan kadar dividen

2 Rajah di bawah menunjukkan Kitaran Perakaunan yang tidak lengkap.



Apakah **Q**

A Pelarasan
B Imbangan Duga
C Penyata Kewangan
D Imbangan Duga Terselaras

3 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

	RM
Untung kasar	6 000
Sewa dibayar	1 000
Inventori akhir	800
Kadar bayaran	600
Komisen diterima	300

Berapakah untung bersih?

A RM3 600

B RM3 900

C RM4 100

D RM4 700

4 Butiran manakah yang dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

I Modal kerja

II Untung kasar

III Inventori akhir

IV Susut nilai perabot

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

5 Puan Rohani pemilik Kedai Buku Jaya telah memulangkan enam buah buku matematik kepada pembekal kerana rosak

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

6 Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Kedai Perabot Ceria menjual almari bernilai RM2 800 dengan harga RM3 500 secara kredit kepada pelanggan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	(2 800)	3 500	700
B	3 500	(700)	2 800
C	2 800	700	3 500
D	(2 800)	3 500	(700)

7 Kedai Komputer AZN menawarkan perkhidmatan membaiki komputer di Pekan Jejawi, Perlis sejak dua tahun yang lepas.
Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi?

A Upah membaiki, tunai dan gaji

B Upah membaiki, insurans dan alat tulis

C Upah membaiki, bank dan kadar bayaran

D Upah membaiki, kadar bayaran dan alatan pejabat

8 Dokumen berikut diterima oleh Cik Ani seorang kerani akaun.

MEMO
Kedai Perabot Siti Murni
Tarikh : 7 Mac 2024
Peringatan :
Pemilik (Siti Murni) telah mengeluarkan sebuah meja dan kerusi untuk kegunaan anaknya bernilai RM180.00
(Ringgit Malaysia : Seratus lapan puluh sahaja)
siti
Pengurus

Bagaimanakah urus niaga tersebut dicatatkan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Perabot
B	Perabot	Belian
C	Perabot	Ambilan
D	Ambilan	Belian

9 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada kedai Buku Mas.

Buku Tunai

	Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank
	2024 Jan 1	M			3 000

Apakah **M**

A Modal

B Jualan

C Belian

D Dividen

10 Perbualan berikut berlaku antara peniaga dengan pekerjanya.

Adli	:	Tolong rekodkan invois dan nota debit yang baru saya terima ini daripada Pembekal Lim
Zaini	:	Baiklah, Encik Adli

Apakah buku catatan pertama yang terlibat dalam urus niaga yang dinyatakan?

A Jurnal Jualan

B Jurnal Belian

C Jurnal Pulangan Belian

D Jurnal Pulangan Jualan

11 Peniaga membayar sewa kediamannya dengan menggunakan wang perniagaannya. Apakah catatan lejar untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Sewa	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Sewa
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Sewa	Akaun Modal

.

12 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang perbezaan Lejar Jualan dengan Lejar Belian?

	Lejar Jualan	Lejar Belian
I	Mengandungi semua akaun hasil	Mengandungi semua akaun belanja
II	Mencatat semua Akaun Belum Terima	Mencatat semua Akaun Belum Bayar
III	Merekod urus niaga jualan kredit	Merekod urus niaga belian kredit
IV	Melibatkan urus niaga jualan tunai	Melibatkan urus niaga belian tunai

Maklumat yang manakah benar ?

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

13 Petikan berikut diperoleh daripada buku perniagaan Johan Setia Enterprise

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tunai	5 200	Baki b/b	2 600
Diskaun diberi	320		
Baki h/b	2 200		

Berapakah belian kredit?

A RM2 200

B RM2 600

C RM5 120

D RM7 720

14 Baki akaun manakah yang dicatat di sebelah debit imbangan duga

A Overdraf bank

B Pulangan jualan

C Diskaun diterima

D Akaun Belum Bayar

15 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Nabilah pada 31 Disember 2023.

	RM
Sewa belum bayar 1 Januari 2023	1 200
Bayaran sewa	7 600
Sewa tahunan	7 200

Berapakah sewa belum bayar bagi tahun tersebut

A RM400

B RM800

C RM1 200

D RM1 600

.

16 Jualan barang niaga RM2 300 kepada Aisyah telah didebitkan dalam Akaun Asiah. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am		
Butir	Debit	Kredit
Aisyah	2 300	
Jualan		2 300

B

Jurnal Am		
Butir	Debit	Kredit
Aisyah	2 300	
Asiah		2 300

C

Jurnal Am		
Butir	Debit	Kredit
Asiah	2 300	
Jualan		2 300

D

Jurnal Am		
Butir	Debit	Kredit

Asiah	2 300	
Aisyah		2 300

17 Di bahagian manakah gaji belum bayar direkodkan dalam Penyata Kewangan?

A Hasil
B Belanja
C Aset semasa
D Liabiliti semasa

18 Apakah rumus untuk mengira susut nilai menggunakan kaedah garis lurus?

A $\frac{\text{Kos asal – Usia guna}}{\text{Nilai skrap}}$

B $\frac{\text{Nilai skrap – Usia guna}}{\text{Kos asal}}$

C $\frac{\text{Nilai skrap – Kos asal}}{\text{Usia guna}}$

D $\frac{\text{Kos asal – Nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$

19 Akaun dibawah diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Sewa Diterima

2022			2022		
Jan 1	**P**	850	Dis 31	**Q**	1 000
Dis 31	Baki h/b	150			
		1 000			1 000
			2023		
			Jan 1	Baki b/b	150

Apakah yang diwakili oleh **P** dan **Q**

	P	**Q**
A	Bank	Perdagangan

2009

B	Perdagangan	Bank
C	Bank	Untung Rugi
D	Untung Rugi	Bank

20 Berikut adalah petikan Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan Kita Sama Enterprise.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2024

	Kos	Susut nilai terkumpul	Nilai Buku
Aset bukan semasa			
Kenderaan	20 000	5 000	15 000
Aset semasa			
Bank	5 000		
Akaun Belum Terima	2 000		
	7 000		
Liabiliti semasa			
Akaun Belum Bayar	1 500		
Z		5 500	
		20 500	

Apakah butir **Z**

A Modal awal
B Modal akhir
C Modal kerja
D Modal tambahan

21 Akaun Perdagangan dan Untung Rugi berikut diambil daripada Perniagaan Aiman

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Januari 2024

Jualan		37 400
Inventori awal	7 200	
Belian	15 150	

Angkutan masuk	300	
Inventori akhir		
Insurans		250
Gaji		1 400

Maklumat tambahan :
Nilai inventori akhir pada harga kos ialah RM10 600 dan nilai pada harga pasaran ialah RM11 000.

Berapakah untung bersih perniagaan itu?

A RM23 700

B RM23 900

C RM24 100

D RM24 300

22 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

A Menyelaras baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank

B Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek

C Merekod semua wang masuk dan wang keluar perniagaan

D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang

23 Apakah yang dimaksudkan dengan belanjawan?

A Satu sistem yang mengandungi prosedur untuk mengawal penerimaan dan pembayaran tunai

B Satu penyata yang digunakan untuk merekod urus niaga penerimaan dan pembayaran tunai

C Satu penyata yang disediakan untuk memastikan tunai perniagaan sentiasa mencukupi

D satu anggaran penerimaan dan pembayaran tunai dalam sesuatu tempoh tertentu

24 Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai

I Pinjaman bank

II Kadar bayaran

III Peruntukan hutang ragu

IV Susut nilai alatan pejabat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

25 Apakah fungsi belanjawan tunai kepada peniaga?

A Menunjukkan keadaan sebenar kewangan perniagaan
B Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa hadapan
C Menjadi panduan kepada pembekal untuk menuntut hutang
D Membantu peniaga menghadkan perbelanjaan semasa

26 Butiran manakah yang direkod di bahagian kredit Akaun Semasa pekongsi?

A Faedah atas pinjaman
B Faedah atas ambilan
C Kongsi rugi
D Ambilan

27 Butiran manakah yang didebitkan ke Akaun Pengasingan Untung Rugi?

A Faedah atas modal, gaji pekongsi dan ambilan
B Faedah atas modal, gaji pekongsi dan bonus pekongsi
C Faedah atas pinjaman, gaji pekongsi dan untung bersih
D Faedah atas pinjaman, faedah atas ambilan dan bonus pekongsi

28 Apakah jenis keuntungan yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat

A Debentur
B Faedah
C Dividen
D Bonus

29 Persatuan Penduduk Setia Alam telah menerima derma untuk membina bangunan persatuan.
Apakah kesan urus niaga tersebut?

A Menambahkan pendapatan hasil
B Mengurangkan pendapatan hasil
C Menambahkan pendapatan modal
D Mengurangkan pendapatan modal

30 Apakah istilah yang digunakan untuk mewakili ekuiti pemilik bagi sebuah kelab dan persatuan?

A Lebihan
B Modal awal
C Modal akhir
D Dana terkumpul

31 Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Kelab Sukan Sihat pada 1 Januari 2024.

	RM
Yuran ahli	4 000
Kadar bayaran	150
Upah cuci gymnasium	200
Bayaran masuk	300

Berapakah baki akhir tunai?

A RM3 350

B RM3 750

C RM3 950

D RM4 650

32 Apakah yang dimaksudkan dengan yuran belum terima awal

A Yuran tahun hadapan yang belum diterima

B Yuran tahun semasa yang belum diterima

C Yuran tahun hadapan yang diterima awal

D Yuran tahun lepas yang belum diterima

33 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Ell.

	RM
Modal pada 1 Mei 2023	50 000
Modal pada 30 April 2024	61 000
Modal tambahan	5 000
Ambilan	500

Berapakah pulangan Perniagaan Ell?

A Untung bersih RM15 500

B Untung bersih RM6 500

C Rugi bersih RM15 500

D Rugi bersih RM6 500

34 Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?

A Merancang proses pengeluaran

B Mengira untung atau rugi pengeluaran

C Menunjukkan kos yang terlibat dalam pengeluaran

D Menyatakan kedudukan kewangan firma pengeluaran

35 Maklumat berikut ialah kos yang terlibat dalam pengeluaran biskut LITE.

Kos berubah per unit	RM0.80
Jumlah kos tetap	RM4 000

Berapakah untung yang diperolehi jika 12 000 unit biskut LITE dijual pada harga RM1.20 seunit?

A RM10 400

B RM5 600

C RM4 800

D RM800

36 Rajah berikut digunakan untuk mengukur kecairan sesuatu perniagaan.



Apakah P dan Q

	P	Q
A	Aset	Liabiliti
B	Aset semasa	Liabiliti semasa
C	Aset semasa	Aset bukan semasa
D	Aset bukan semasa	Liabiliti bukan semasa

37 Pilih padanan yang betul bagi kegunaan nisbah berikut.

	Nisbah	Kegunaan
A	Kadar pusing ganti inventori	Mengukur kecekapan pengerusan inventori
B	Pulangan atas modal	Mengukur kadar untung kasar atas setiap ringgit modal yang dilaburkan.
C	Nisbah semasa	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang
D	Margin	Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit jualan

38 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Shamsuddin pada 31 Disember 2022.

	RM
Jualan	20 000
Inventori pada 1 Januari 2022	4 000
Inventori pada 31 Disember 2022	2 000
Untung kasar adalah 25% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

A 7.50 kali
B 5 kali
C 4 kali
D 3.75 kali

39 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Sejahtera Berhad

Tahun	Nisbah Semasa
2022	2:1
2023	3:1

Tafsirkan prestasi syarikat bagi tahun 2021 berbanding tahun 2022.

A Merosot dan tidak mampu membayar hutang
B Meningkat ke tahap kecairan yang paling baik
C Merosot tetapi masih mampu membayar hutang
D Meningkat terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan

40 Yang manakah mengambarkan bahawa pelaburan diurus dengan lebih baik jika nilai itu tinggi?

A Margin
B Tokokan
C Nisbah Semasa
D Pulangan atas modal

1	A	11	C	21	A	31	C
2	A	12	C	22	A	32	D
3	D	13	C	23	D	33	B
4	B	14	B	24	A	34	C
5	B	15	B	25	B	35	D
6	A	16	B	26	A	36	B
7	B	17	D	27	B	37	A
8	D	18	D	28	C	38	B
9	C	19	D	29	C	39	B
10	B	20	C	30	D	40	D